

# 5,000 menonton demonstrasi

Dunia

15 MAY 1981

## Silat Malaysia

Pencak silat

KUALA LUMPUR, Khamis. — Lebih 5,000 penonton terpesona dengan kecekapan persembahan seni-silat para pendekar dalam 'Demonstrasi Dunia Silat Malaysia dan Serantau (ASEAN) di Stadium Negara di sini, baru-baru ini.

Kumpulan Filipina dengan seni-silat 'Arnis De Manonya,' Indonesia dengan seni-silat 'Taralak Gula Tareknya,' Negeri Thai dengan seni-silat 'Tinju Siamnya,' Singapura dengan seni-silat 'Gayungnya' dan kumpulan Malaysia dengan seni-silat 'Gerak Sucinya.'

Setiausaha Politik Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Megat Jonid Megat Ayob merasmikan demonstrasi itu, manakala Setiausaha Politik Menteri Perusahaan Awam, Encik Saidin Tamby melakukan upacara penutup.

Melaka telah keluar sebagai johan setelah mengalahkan sembilan pasukan lain dalam kejohanan silat peringkat kebangsaan sempena demonstrasi itu.

Naib johan ialah pasukan Selangor dengan seni-silat 'Depowojo.'

■ Atas kiri: Setiausaha Politik Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Megat Jonid (kiri) menyampaikan piala kepada wakil Melaka.

■ Kanan: Guru 'Gerak Suci' Mukhtar Affandi Muhamad (kanan) menerima 'Piala Penggalak Ibu Sina Malaysia' dari pendermanya, Haji Muhsin Haji Udin. — Gambar dan berita Shamsuddin Jaafar.

# Silat batin di majlis kahwin kurang sesuai

Pencak silat

16 MAY 1981

BARU-BARU ini saya telah menghadiri satu majlis perkahwinan di Telok Blangah Heights. Dalam majlis tersebut diadakan satu pertunjukan 'silat batin'.

Pada pendapat saya pertunjukan itu amatlah baik.

Bagaimanapun ada beberapa perkara yang saya rasa tidak kena bila ia dipersenjatakan dalam majlis tersebut.

Pertama, permainan 'silat batin' adalah satu permainan yang begitu 'kompleks' sekali. Ia hanya dapat difahami oleh orang yang benar-benar memahaminya.

Pada mereka yang tidak mengerti tentu sekali akan menganggap permainan seperti itu sungguh 'fantastik', terutama apabila kebentulan kanak-kanak yang menunjukkan silat itu dapat mematahkan serangan 'lawannya' yang datang bertubi-tubi hanya dengan menggerakkan tangannya saja.

Hal ini, bagi mereka tentulah seolah-olah sama seperti apa yang dilihat dalam filem 'superman' di mana pelakonnya boleh melompat ke bangunan setinggi 40 tingkat dengan sekali lompat saja.

Menurut juga mungkin menganggap

adanya permainan 'silat batin,' malah ini adalah pusaka orang-orang Melayu sejak dari zaman nenek-moyang kita dulu.

Tetapi, sebaik-baiknya silat-silat batin seperti ini janganlah dijadikan persembahan dalam majlis-majlis perkahwinan. Memadai lah dengan permainan silat biasa saja, yang tidak kurang mutunya. Malah melalui persembahan-persembahan seperti ini kita dapat menunjukkan betapa tingginya apa yang dikatakan 'seni silat Melayu' itu.

Ketiga, tidak dapat dinafikan bahawa persembahan seperti ini mempunyai kemungkinan besar boleh menimbulkan sesuatu yang tidak diingini — gara-gara adanya pihak yang ingin menunjuk-nunjukkan kehandalan masing-masing.

Oleh itu, melalui ruangan ini saya menyarankan supaya sebarang bentuk silat batin janganlah dijadikan persembahan dalam majlis-majlis perkahwinan, kerana teringat saya amanat orang-orang tua kita dulu yang selalu berkata: "Sesuatu yang baik itu berharga dan setiap yang berharga jangan dimegah-megahkan".